

BERITA HARIAN

# Tun Salleh puji keprihatinan kerajaan

Oleh Anwar Hussin, Abdul Halim Yusoff dan Khairul Azran Hussin

**K**UALA LUMPUR Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas yang dipecat pada 1988 memuji langkah bersungguh-sungguh kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memulihkan semula imej dan integriti sistem kehakiman negara.

Salleh berkata, beliau menunggu 20 tahun untuk melihat keadilan ditegakkan selepas beliau dan lima lagi hakim kanan dipecat ketika krisis kehakiman pada 1988.

"Perdana Menteri menyedari sistem kehakiman negara perlu dipulihkan dan mengambil langkah tepat menegakkannya semula. Akhirnya pada malam ini (malam tadi) saya berasa hebat kerana tidak menjangka Pak Lah akan membuat dua pengumuman bermakna," katanya kepada pemberita selepas Abdullah menyampaikan ucapan tama 'Melaksanakan Keadilan, Memperbaharui Keyakinan' pada Majlis Makan Malam anjuran Majlis Peguam, di sini malam tadi.

Abdullah sebelum itu mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim bagi membantu menilai serta memilih calon menggunakan kaedah yang sistematik dan berwibawa. Kerajaan turut mengumumkan pembayaran ex-gratia kepada enam bekas hakim kanan yang dipecat itu.

Pada 1988, kerajaan menubuhkan tribunal khas untuk mendengar tuduhan salah laku terhadap Salleh

selepas beliau menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong bagi melahirkannya kekecewaan tuduhan terhadap sistem kehakiman. Beliau dipecat kerana dakwaan salah laku berdasarkan cadangan daripada tribunal kehakiman yang ditubuhkan Yang di-Pertuan Agong.

Lima hakim Mahkamah Agung dihadapkan ke tribunal itu adalah Tan Sri George Seah, Allahyarham Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh; Tan Sri Eusoffe Abdoolcader, Tan Sri Azmi Kamaruddin dan Tan Sri Wan Hamzah Mohd Salleh. Dua daripada mereka, Seah dan Wan Sulaiman turut dipecat, bersama Sayeh.

man, Wan Noor Azli Maula, memohon kerajaan membuka kembali kes itu bagi mengetahui keadaan sebenar berlaku pada 1988.

"Kami mahu tahu di mana kesilapannya sehingga tribunal mendapati ayah kami bersalah dan dipecat," katanya.

Azmi pula berkata, keputusan Perdana Menteri itu menamatkan penantiannya selama 20 tahun untuk melihat badan kehakiman negara pulih sepenuhnya.

Katanya, keputusan itu adalah langkah terbaik berikutan badan kehakiman negara berdepan pelbagai masalah yang boleh menjejaskan keyakinan rakyat terhadap proses keadilan di negara ini.

"Pemberian sagu hati adalah bonus untuk saya, tetapi yang paling penting ia hadiah untuk semua rakyat Malaysia yang mahukan keadilan," katanya.

Anak Seah, Basil Seah, pula berkata, bapanya tidak dapat hadir ke majlis berkenaan kerana ltu rpuh tetapi menjelaskan keluarganya berharap kerajaan mengemufkikan permohonan maaf atas kejadian itu.

Bagaimanapun, beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi pembayaran ex-gratia.

Bagi Brenda Lim, cucu kepada Eusoffe, keputusan itu membuktikan kerajaan sentiasa berusaha memperkembangkan keadilan kepada semua pihak.

"Saya gembira dengan keputusan itu dan diharap kerajaan terus memberi perhatian kepada badan kehakiman yang dianggotai oleh anak-anak Wang Sulai," katanya.

Presiden Majlis Peguam, Ambiga Sreenevasan, berkata pihaknya gembira dengan pengumuman Perdana Menteri untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Pelantikan Hakim dan pemberian ex-gratia.

Katanya, ada banyak cara untuk mengakui kesilapan dilakukan tanpa menerusi ungkapan perkataan maaf yang dizahirkan, dan ia juga bukanlah isu perundangan yang wajar dituntut oleh Majlis Peguam.

"Apa yang kami mahukan ialah pengiktirafan bahawa sesuatu yang salah berlaku pada 1988. Bagi saya inilah perkembangan yang sangat baik," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mencadangkan supaya penjawat utama daripada bidang kehakiman termasuk Ketua Hakim, Presiden Mahkamah Rayuan, Presiden Majlis Peguam dan pertubuhan peguam dari Sabah dan

Sarawak serta wakil orang awam dilantik menjadi panel Suruhanjaya Pelantikan Hakim.

Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata penubuhan suruhanjaya bebas serta pelbagai langkah ke arah perubahan akan diteruskan selepas ini bagi memastikan sistem kehakiman benar-benar bebas dan berintegriti.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata pihaknya bersetuju dan memberi sokongan penuh terhadap keputusan Perdana Menteri menubuhkan suruhanjaya dan memberi ex-gratia walaupun langkah itu Sulai-lewat daripada yang sepatutnya.

"Bagaimanapun, kami bersyukur kerana akhirnya ia tetap menjadi kenyataan sekali gus membuatkan perjuangan kami selama ini tidak sia-sia," katanya.

Timbalan Presiden Pas, Nasharuddin Mat Isa, berkata Pas mengalu-alukan penubuhan suruhanjaya itu yang diyakini mampu memperbetulkan semula kepincangan dalam sistem kehakiman.

"Ia adalah langkah permulaan yang baik ke arah kebebasan sepenuhnya sistem kehakiman dan kami berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana melakukannya," katanya.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang, berkata keputusan itu dianggap sebagai reformasi sistem kehakiman dan selaras usaha meningkatkan semula imej dan reputasi, selain mengembalikan keyakinan rakyat terhadap sistem berkenaan.